

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
PENGUNAAN APLIKASI MYSEJAHTERA OLEH
PENGGUNA DALAM TINDAK BALAS PANDEMIK
COVID-19**

POSHINI SUNTHARANAGULAN

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGGUNAAN APLIKASI MYSEJAHTERA
DALAM TINDAK BALAS PANDEMIK COVID-19

POSHINI SUNTHARANAGULAN

PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
INFORMATIK KESIHATAN

FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2022

PENAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa hasil kerja saya ini tidak pernah diterbitkan sebelum atau kini, dan tidak pernah diserahkan untuk mana-mana kursus ijazah sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) atau universiti lain.

28 Jun 2022

POSHINI SUNTHARANAGULAN
P101426

PENGHARGAAN

Dengan nama tuhan, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan bersyukur kepada tuhan untuk memberikan saya kekuatan fizikal serta mental untuk menghabiskan tesis ini dalam kadar masa yang ditetapkan dan mampu dihantar kepada untuk menghabiskan tesis ini dalam kadar masa yang ditetapkan dan mampu dihantar kepada pihak universiti dengan berjayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan kepada individu penting, penyelia utama saya, Ts. Dr. Hasimi bin Sallehudin di atas bimbingan, nasihat, teguran, dorongan dan tunjuk ajar sepanjang saya menjalankan projek di bawah seliaan beliau. Besar kemungkinan tanpa Dr Hasimi, tesis ini tidak dapat dimulakan atau dihabiskan.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada pihak Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terutama kepada semua pensyarah-pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang pengajian dalam Program Sarjana Informatik Kesihatan..

Ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli keluarga saya terutamanya suami dan ibu bapa serta rakan-rakan saya yang amat memahami saya dan memberikan sokongan moral serta sentiasa memberikan semangat dan dorongan buat diri saya untuk terus tabah dalam menghadapi segala cabaran dan halangan sepanjang menyediakan laporan tesis ini dengan jayanya.

ABSTRAK

Sejak Disember tahun 2019, sejumlah bilangan besar negara secara global telah mengalami impak negatif disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan sehingga ke tarikh kini, masalah globalisasi tersebut tidak dapat diselesaikan malah masih berada dalam tahap pandemik. Kerajaan Malaysia memutuskan untuk mengaplikasi teknologi digital dalam usaha membendung serta perancangan dan pengawalan jangkitan virus di negara ini. MySejahtera adalah satu aplikasi yang dibina untuk membantu kerajaan mengawal jangkitan virus serta menghilangkan kesan panjang terhadap keseluruhan sistem ekonomi dan setiap rakyat di Malaysia. Aplikasi ini di muat turun di telefon bimbit oleh setiap rakyat di Malaysia. Bagaimanapun, penggunaan MySejahtera tidak sepenuhnya digunakan secara menyeluruh oleh sebilangan masyarakat. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan teknologi digital dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19. Kajian ini menggunakan Teori Penerimaan dan Penggunaan Teknologi Bersepadu (UTAUT) Teori untuk membimbing kajian, di mana penentunya adalah jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, keadaan yang memudahkan dan tingkah laku pengguna. Sebanyak 384 responden telah dipilih secara rawak dan kesemua bilangan responden adalah pengguna aplikasi MySejahtera. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang dibahagikan kepada 3 bahagian yang merangkumi bahagian A, B dan C. Data kajian dianalisis menggunakan SPSS. Analisis deskriptif, analisis kebolehpercayaan, pekali korelasi Pearson, dan regresi membuktikan bahawa empat factor penentu dapat diterima untuk memberikan hasil yang dipercayai dan konsisten justeru menyakinkan bahawa penggunaan teknologi digital dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19 merupakan satu pelan yang efektif

FACTORS AFFECTING THE USE OF MYSEJAHTERA APPLICATIONS BY USERS IN RESPONSE TO THE COVID-19 PANDEMIC

ABSTRACT

Since December 2019, a large number of countries globally have suffered a negative impact due to the COVID-19 pandemic and to date, the problem of globalization has not been solved and is still in the pandemic stage. The Malaysian government has decided to apply digital technology in efforts to curb as well as plan and control viral infections in the country. MySejahtera is an application built to help the government control virus infections and eliminate the long-term effects on the entire economic system and every citizen in Malaysia. This application is downloaded on mobile phones by every citizen in Malaysia. However, the use of MySejahtera is not fully utilized by some communities. The purpose of this study was to evaluate the factors influencing the use of digital technology in COVID-19 pandemic planning and response. This study uses Integrated Technology Acceptance and Use Theory (UTAUT) Theory to guide the study, where the determinants are performance expectations, effort expectations, social influence, facilitating conditions and user behavior. A total of 384 respondents were randomly selected and all respondents were users of the MySejahtera application. The instrument used in this study is a questionnaire which is divided into 4 parts namely performance expectations, effort expectations, social influence and facility conditions. Study data were analyzed using SPSS. Descriptive analysis, reliability analysis, Pearson correlation coefficient, and regression prove that all four independent variables are acceptable to provide reliable and consistent results thus convincing that the use of digital technology in COVID-19 pandemic planning and response is an effective plan.

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		ix
SENARAI ILUSTRASI		x
SINGKATAN		xi
BAB I	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Penyelidikan	2
1.3	Penyataan Masalah	4
1.4	Persoalan Kajian	5
1.5	Objektif Kajian	5
1.6	Skop Kajian	5
1.7	Kepentingan Kajian	6
	1.7.1 Kepentingan kajian kepada penyelidik	6
	1.7.2 Kepentingan kajian kepada organisasi	6
	1.7.3 Kepentingan kajian kepada badan pengetahuan	7
1.8	Rumusan	7
BAB II	KAJIAN LITERASI	
2.1	Pengenalan	8
2.2	Konsep dan Pengelasan	8
	2.2.1 Konsep dan Pengelasan Penggunaan MySejahtera	8
2.3	Faktor yang mempengaruhi penggunaan MySejahtera	14
	2.3.1 Perancangan dan pengesanan	14
	2.3.2 Pemeriksaan Jangkitan	16
	2.3.3 Kuarantin dan Pengasingan Diri	16

	2.3.4	Pengesanan Penyakit Berjangkit	22
2.4		Teori yang berkaitan	24
	2.4.1	Teori Bersepadu Penerimaan dan Penggunaan Teknologi (UTAUT)	24
2.5		Kerangka Konseptual	25
	2.5.1	Jangkaan Prestasi	25
	2.5.2	Jangkaan Usaha	26
	2.5.3	Pengaruh Sosial	27
	2.5.4	Keadaan Kemudahan	28
2.6		Rumusan	29
BAB III		KAEDAH KAJIAN	
3.1		Pengenalan	30
3.2		Reka Bentuk Penyelidikan	30
	3.2.1	Tujuan Kajian	30
	3.2.2	Jenis kajian	31
	3.2.3	Unit analisis	31
	3.2.4	Jangka masa	31
3.3		Reka Bentuk Persampelan	31
	3.3.1	Populasi	31
	3.3.2	Teknik Persampelan	32
	3.3.3	Saiz sample	32
3.4		Sumber data	33
	3.4.1	Data utama	33
3.5		Instrumen Penyelidikan	34
	3.5.1	Bahagian A	34
	3.5.2	Bahagian B	34
	3.5.3	Bahagian C	35
3.6		Analisis Data	36
	3.6.1	Analisis kekerapan	37
	3.6.2	Analisis deskriptif	37
	3.6.3	Analisis kepercayaan	38
	3.6.4	Analisis korelasi	38
	3.6.5	Analisis Regresi Berganda	39
3.7		Rumusan	40

BAB IV	ANALISIS DATA DAN PENEMUAN	
4.1	Pengenalan	41
4.2	Analisis kekerapan	41
4.3	Pengumpulan data	42
	4.3.1 Demografik responden	42
4.4	Analisis Deskriptif	46
4.5	Ujian Kebolehan Alpha Cronbach	52
4.6	Analisis Korelasi	53
4.7	Analisis Inferensi-Analisis Regresi Berganda	54
4.8	Rumusan	56
BAB V	PERBINCANGAN	
5.1	Pengenalan	57
5.2	Kesimpulan kajian	57
5.3	Batasan kajian	58
	5.3.1 Sekatan pergerakan kerana COVID-19	58
	5.3.2 Bias dalam respons keinginan sosial	59
	5.3.3 Kaedah pengumpulan data	59
5.4	Cadangan penyelidikan masa depan	60
	5.4.1 Penyelidikan lanjut mengenai pembolehubah bebas lain	60
5.5	Rumusan	60
RUJUKAN		63
LAMPIRAN		
Lampiran A	Tinjaun Kaji Selidik	65

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 3.1	Instrumen Kajian Bahagian B	35
Jadual 3.2	Instrumen Kajian Bahagian C	35
Jadual 3.3	Julat Alpha Cronbach	38
Jadual 3.4	Skala Kekuatan untuk Korelasi Pearson, r	39
Jadual 4.1	Demografik Responden (n=384)	42
Jadual 4.2	Hasil Respon dari Responden terhadap Penggunaan Teknologi Digital untuk mengawal Pandemik COVID- 19	47
Jadual 4.3	Statistik Deskriptif Konstruk	51
Jadual 4.4	Analisis Kebolehpercayaan	52
Jadual 4.5	Hasil Analisis Korelasi Pemboleh Ubah	53
Jadual 4.6	Analisis Regresi	54
Jadual 5.1	Signifikasi antara pembolehubah dan hipotesis.	58

Pusat Sumber
FTSM

SENARAI ILUSTRASI

No Rajah		Halaman
Rajah 2.1	Muka Depan Aplikasi MySejahtera	9
Rajah 2.2	QR Code Aplikasi MySejahtera	9
Rajah 2.3	Promosi Kesedaran Aplikasi MySejahtera oleh Kerajaan Malaysia	10
Rajah 2.4	Agensi-agensi Kerajaan Dalam Pembinaan MySejahtera	11
Rajah 2.5	Aliran Proses Pendaftaran Aplikasi MySejahtera	12
Rajah 2.6	Aliran Proses Kemaskini Maklumat Pengguna	13
Rajah 2.7	Aliran Proses Check-In Aplikasi MySejahtera	14
Rajah 2.8	Aplikasi MySejahtera Memaparkan Statistik Sembuh, Jangkitan dan Kematian	15
Rajah 2.9	Aliran Proses Kaedah Laporan Ujian Kendiri COVID-19	17
Rajah 2.10	Kod Warna Risiko Jangkitan	18
Rajah 2.11	Arahan Peintah Pengawasan dan Pemerhatian (Home Surveillance Order)	19
Rajah 2.12	Fungsi Penambahbaikan Aplikasi MySejahtera (Infectious Disease Tracker)	23
Rajah 2.13	Paparan Jumlah Kes Penyakit Berjangkit di Aplikasi MySejahtera	24
Rajah 2.14	Model UTAUT (Model Penerimaan Teknologi)	25
Rajah 3.1	Jadual Ukuran Sample	33
Rajah 4.1	Responden mengikut jantina	43
Rajah 4.2	Responden mengikut status perkahwinan	44
Rajah 4.3	Responden mengikut umur	44
Rajah 4.4	Responden mengikut bangsa	45
Rajah 4.5	Responden mengikut pekerjaan	46

SENARAI SINGKATAN

COVID-19	Corona Virus Disease 2019
SARS-CoV-2	Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus 2
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MAMPU	Pemodenan Pentadbiran Malaysia dan Unit Perancangan dan Pengurusan
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
AI	Artificial Intelligence
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
SOP	Standard Operating Procedure
GPS	Global Positioning System

Pusat Sumber
FTSM

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Sejak Disember tahun 2019, sejumlah bilangan besar negara secara global telah mengalami impak negatif disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan sehingga ke tarikh kini masih masalah globalisasi tersebut tidak dapat diselesaikan. Strain baru coronavirus, SARS-CoV-2 ini telah memusnahkan kehidupan manusia dan ekonomi global secara keseluruhan. Kes pertama telah dikenal pasti di Wuhan, China, pada bulan Disember 2019 dan menjelang tarikh 15 Jun 2020, lebih daripada 3.6 juta orang telah dikenal pasti sebagai kes jangkitan aktif, dengan lebih daripada 450000 kematian di lebih daripada 200 negara (Esa et al., 2020). Kemerosotan kesihatan dunia yang bermula pada tahun 2020, memberi kesan kepada syarikat-syarikat dari pelbagai saiz dan juga sektor. Walaupun sebilangan perniagaan ternyata mempunyai ambang ketahanan tertentu atau benar-benar mewujudkan ceruk operasi yang sesuai, pemilik perniagaan kecil dan sederhana besar di sektor perkhidmatan mendapati diri mereka berada dalam persekitaran operasi normal yang baru. Kesan yang tidak baik dari wabak ini telah dinyatakan di semua aspek kehidupan, dari faktor kewangan, ideologi, budaya, dan juga psikososial (Ling et al., 2021).

Walau bagaimanapun, pengaruh terbesar adalah terhadap kesihatan dan juga perspektif kesejahteraan manusia. Untuk menunda wabak itu, banyak negara lain juga telah melarang kegiatan ekonomi serta melaksanakan penjarakkan sosial untuk mengurangkan jangkitan COVID-19 dari orang ke orang. Hal ini telah mengakibatkan penutupan pelbagai perniagaan, permintaan sumber penjualan yang lebih rendah, dan penghapusan pemilik perniagaan (Suhud et al., 2020). Beberapa ahli ekonomi telah melihat pandemik ini sebagai peristiwa angsa hitam yang bersifat kiasan, yang

ditakrifkan sebagai kejadian mengejutkan, tidak dijangka yang sangat penting dan juga akibat buruk yang secara drastik mengubah keadaan ekonomi dan politik yang mengakibatkan kegagalan perniagaan (Wong & Alias, 2021).

Demi mengurangkan kesengsaraan rakyat, kerajaan telah memutuskan untuk menggunakan teknologi digital untuk perancangan serta pengawalan jangkitan pandemik ini di Malaysia. Pandemik COVID-19 ini telah merevolusikan konsep penggunaan aplikasi digital untuk mengawal serta merancang sebarang tindak balas terhadap pandemik ini. MySejahtera adalah satu aplikasi yang dibina hanya dalam beberapa bulan khas untuk membantu kerajaan mengawal jangkitan virus serta menghilangkan kesan panjang terhadap keseluruhan sistem ekonomi dan setiap rakyat di Malaysia (T. J. Chan et al., 2021).

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

COVID-19, juga dikenali sebagai 2019 novel coronavirus (2019-nCoV), ialah sejenis coronavirus baharu yang pertama kali dikenal pasti di Wuhan, China, pada Disember 2019 dan telah merebak secara drastik ke seluruh dunia. Hari ini, 220 negara dan wilayah di seluruh dunia telah mengesahkan 209,326,903 kes menurut WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) COVID-19 dan kematian sebanyak 4393412 telah dilaporkan (Dey et al., 2020). Meskipun bergantung pada prinsip-prinsip kesihatan awam yang mapan, negara-negara di seluruh dunia sekarang telah memperoleh berbagai tingkat keberhasilan dalam mengelola beban COVID-19 (Vargo et al., 2021). Taktik dan tindak balas pandemik dibantu oleh teknologi kesihatan digital melalui pelbagai kaedah yang sukar dilakukan dalam proses manual. Perspektif ini menggariskan bagaimana negara-negara secara efektif telah mengadopsi dan mengintegrasikan teknologi digital untuk perancangan pandemik, pengawasan, pengujian, saringan kontak rapat, kuarantin, dan perawatan kesihatan (Iivari et al., 2020).

Pembangunan, pelaksanaan dan kemajuan penyelesaian teknologi yang bertujuan untuk memerangi wabak COVID-19 berkembang pesat di India. Pelbagai pangkalan data telah dicari untuk mencari kemajuan teknologi yang berbeza semasa pandemik coronavirus semasa. Selain daripada langkah bukan farmakologi (penjarakan sosial, pengasingan diri, pencucian tangan dengan bersih, dan bertopeng muka) yang

merupakan langkah yang diuji masa dan berteknologi rendah untuk membantu mengurangi penyebaran virus secara pantas, sektor Sains dan teknologi yang membentuk sains data pembelajaran mesin, ujian diagnostik pantas dan telekesihatan mudah alih telah dengan bantuan *Artificial Intelligence* (AI) telah mewujudkan pelbagai aplikasi yang dapat dilayari dengan penggunaan telefon mudah alih atau secara melayari internet. COVID-19 Map by Microsoft Bing, COVID-19 India tracker app by My Govt, Website covid19india.org, WHO website (COVID-19 situation dashboard) dan banyak lagi aplikasi digital yang memberikan informasi tentang jangkitan COVID-19, jumlah kes dan kematian COVID-19, serta saluran untuk komunikasi dengan petugas kesihatan disediakan dalam aplikasi tersebut (Bhavna Jain, Atif Khan et al., 2021).

Kerajaan Wilayah Alberta telah memperkenalkan aplikasi pengesanan kenalan mudah alih, "ABTraceTogether" (Apl Alberta), yang menggunakan Bluetooth dengan tujuan untuk memberitahu pengguna jika mereka telah terdedah kepada COVID-19 atau terdedah kepada orang lain yang dijangkiti dengan COVID-19. Aplikasi "ABTraceTogether" Alberta telah dibangunkan menggunakan kod yang sama yang membentuk asas "TraceTogether" Singapura. Pada masa ini kerajaan Wilayah Alberta adalah satu-satunya Kerajaan Kanada yang memperkenalkan aplikasi pengesanan kenalan COVID-19. Kerajaan Persekutuan Kanada telah mula menguji aplikasi pengesanan kenalan berasaskan mudah alih untuk digunakan di seluruh negara. Aplikasi, yang juga menggunakan teknologi *Bluetooth* ini, akan mengesahkan kes positif COVID-19 di seluruh negara dan akan memaklumkan kepada pengguna aplikasi tersebut sekiranya mereka berada berdekatan dengan orang lain yang telah menerima diagnosis positif COVID-19 (Norton Rose Fulbright, 2020).

Mengenal pasti orang yang telah berhubung rapat dengan individu positif adalah penting untuk mengurangkan penularan COVID-19. Sehubungan itu, Kerajaan Malaysia membangunkan MySejahtera, aplikasi mudah alih untuk membantu usaha pengesanan kenalan wabak COVID-19 di negara ini. MySejahtera merupakan aplikasi digital yang berfungsi sebagai satu aplikasi *contact-tracing*, aplikasi yang memberikan maklumat harian mengenai jangkitan COVID-19 (jumlah kes, jumlah kematian, jarak antara pengguna dengan kes positif terdekat), dan juga merupakan aplikasi yang menghubungkan pihak kesihatan dengan pengguna. Seperti negara-negara yang lain, usaha Kerajaan Malaysia untuk mengurangkan penularan COVID-19 melalui

penggunaan aplikasi digital MySejahtera merupakan satu langkah yang efektif (T. Chan et al., 2021).

1.3 PENYATAAN MASALAH

Kejayaan penggunaan aplikasi kesihatan MySejahtera telah membuka peluang kepada pengguna seperti orang awam, penguasa kesihatan dan pesakit untuk menguruskan risiko pendedahan serta perkembangan gejala secara efektif. Penjarakan sosial yang selamat dari semua pengguna untuk mengurangkan penyebaran jangkitan virus, menyelesaikan penilaian diri serta memantau perkembangan gejala, mengambil ubat secara berkala, dan memelihara diet dan aktiviti fizikal yang sihat adalah sebahagian daripada usaha untuk memerangi COVID-19 (Whitelaw et al., 2020). Namun, dengan pelaksanaan aplikasi pengesanan oleh kerajaan, isu berkaitan maklumat peribadi dan stor privasi data yang dimuat naik ke dalam sistem sentiasa wujud dalam kalangan rakyat, dan hal ini menyebabkan penggunaan aplikasi tersebut tergantung di mana keberkesanan aplikasi juga tidak diketahui. Oleh itu, Teori Penerimaan dan Penggunaan Teknologi Bersepadu (UTAUT) telah digunakan dalam kajian ini untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi niat menggunakan aplikasi MySejahtera di kalangan warganegara Malaysia. Hubungan antara empat penentunya yang terdiri daripada jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan keadaan yang memudahkan telah dikaji untuk melihat bagaimana ia mempengaruhi penggunaan aplikasi MySejahtera (T. J. Chan et al., 2021).

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara faktor-faktor penentu dengan pembolehubah bersandar yang mempengaruhi penggunaan aplikasi MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19. Soalan penyelidikan berikut akan dikaji lebih lanjut.

1. Apakah hubungan antara faktor-faktor penentu yang mempengaruhi penggunaan aplikasi MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19?

2. Apakah kesan faktor-faktor penentu terhadap penggunaan aplikasi MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Sejajar dengan persoalan kajian, kajian ini akan merangkumi analisis empirik dengan tujuan mencapai dua objektif kajian berikut.

1. Untuk menilai hubungan antara faktor-faktor penentu yang mempengaruhi penggunaan aplikasi MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19.
2. Untuk mengenalpasti kesan faktor-faktor penentu terhadap penggunaan aplikasi MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19.

1.6 SKOP KAJIAN

Tujuan kajian dalam penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan teknologi digital dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19. Populasi kajian ini adalah orang awam di Kuala Lumpur. Manakala, kerangka persampelan dalam penyelidikan ini tidak ada kerana tidak ada kerangka persampelan yang tersedia. Oleh itu, pengambilan sampel bertujuan untuk diikuti dalam penyelidikan. Untuk memenuhi tujuan tersebut, kajian penyelidikan kuantitatif akan dilakukan. Penyelidikan ini disusun untuk dijalankan di Kuala Lumpur. Semua responden akan dihubungi untuk tinjauan. Responden akan diberikan borang soal selidik tinjauan dan maklum balas serta persepsi mereka akan dianalisis dengan tepat agar dapat membuat kesimpulan terbaik dan mengkaji penggunaan mysejahtera teknologi digital dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19 di Kuala Lumpur. Oleh itu, hasil akhirnya dapat memberi banyak manfaat kepada Kuala Lumpur dan seluruh negara dalam banyak cara. Penyelidikan ini hanya akan tertumpu pada besarnya hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas iaitu empat faktor penentu dan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan aplikasi MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Penyelidikan ini menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan aplikasi MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19. Hasil kajian memberikan maklumat yang signifikan kepada penyelidik, organisasi dan badan pengetahuan.

1.7.1 Kepentingan kajian kepada penyelidik

Kajian ini akan membantu penyelidik masa depan untuk mengetahui tentang faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan aplikasi MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19. Ini akan menyokong mereka untuk menjadi penyelidik yang jauh lebih baik dan akan bermanfaat bagi kajian di masa hadapan. Dengan itu, penyelidikan masa depan perlu dipimpin untuk meneroka hubungan antara pemboleh ubah dengan menunjukkan penyelidikan seperti yang disarankan oleh penyelidikan masa lalu.

1.7.2 Kepentingan kajian kepada organisasi

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengumpulkan maklumat yang akan membantu faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan aplikasi MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19. Penggunaan MySejahtera dapat membolehkan rakyat di Kuala Lumpur dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19. Dianjurkan semua organisasi mengambil inisiatif untuk mendedikasikan dan menerapkan penyelidikan yang dikembangkan untuk meningkatkan prestasi dan kecekapan organisasi.

1.7.3 Kepentingan kajian kepada badan pengetahuan

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan aplikasi MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19. Tujuannya adalah untuk membantu para pelajar mengembangkan kompetensi akademik, keterampilan bakat, menerapkan strategi kerjaya, dan berpartisipasi dalam

jalur profesional dalam persiapan kerjaya di mana-mana sektor setelah lulus. Bagi institusi, kajian ini akan memungkink institusi untuk menyampaikan persekitaran pembelajaran, memberi inspirasi kepada pelajar untuk melakukan kajian yang akan memberi kesan kepada masyarakat.

1.8 RUMUSAN

Bab satu menerangkan asas kajian yang ringkas dan mudah. Bab ini adalah bab pendahuluan yang menentukan latar belakang kajian, memberikan pernyataan masalah yang akan ditangani dalam kajian, mengenal pasti tujuan kajian ini, persoalan kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian dan juga definisi terma utama.

Pusat Sumber
FTSM

BAB II

KAJIAN LITERASI

2.1 PENGENALAN

Kajian literatur ini akan diterokai dengan lebih lanjut untuk mengkaji hubungan antara faktor-faktor penentu yang mempengaruhi penggunaan teknologi digital dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19 dengan lebih jelas. Melalui kajian literasi yang dijalankan didapati bahawa terdapat beberapa artikle bermaklumat yang meringkaskan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan teknologi digital dalam tindak balas pandemik COVID-19, perancangan dan pengesanan, pemeriksaan jangkitan dan kuarantin dan pengasingan diri. Lebih banyak maklumat telah diberikan mengenai hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Teori dan alat pasaran yang relevan juga akan dibincangkan. Pada akhir bab ini, konteks kajian, evolusi hipotesis untuk mengaitkan semua pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar dan struktur akademik akan dapat dilihat.

2.2 KONSEP DAN PENGELASAN

2.2.1 Konsep dan Pengelasan Penggunaan MySejahtera

Berdasarkan jumlah kes baru yang dilaporkan setiap hari di seluruh dunia, krisis pandemik COVID-19 masih belum selesai. Sejajar dengan peningkatan kes yang mendadak, kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk membina MySejahtera, sebuah aplikasi digital yang berfungsi sebagai alat pengesanan kontak serta mengumpul maklumat tentang pengguna yang bergejala. Jejak hubungan digital jenis ini dianggap sebagai alat penting bagi pegawai kesihatan awam dan juga masyarakat setempat dalam memerangi penyebaran virus COVID-19 (Nur Zarina, 2020).



Rajah 2.1 Muka Depan Aplikasi MySejahtera

Sumber: <https://mysejahtera.malaysia.gov.my/> (2021)



Rajah 2.2 QR Code Aplikasi MySejahtera

Sumber: <https://www.mkn.gov.my/web/ms/qrcodemysejahtera/> (2021)

BANTU KAMI UNTUK BANTU ANDA

Menilai tahap kesihatan terhadap risiko COVID-19 untuk anda dan keluarga

Mendapatkan panduan kesihatan terkini berkaitan COVID-19

Mendapatkan panduan tindakan yang perlu diambil berdasarkan kategori risiko COVID-19

Mendapatkan maklumat lokasi fasiliti kesihatan yang berdekatan

Menerima maklumat terkini dan panduan daripada sumber yang sah

MUAT TURUN SEKARANG

GET IT ON Google Play

Download on AppGallery

Download on the App Store

GAMMA

LINDUNGI DIRI DAN KELUARGA ANDA DARIPADA COVID-19

Rajah 2.3 Promosi Kesedaran Aplikasi MySejahtera oleh Kerajaan Malaysia

Sumber: <https://mysejahtera.malaysia.gov.my/> (2021)

Kerajaan Malaysia memiliki dan mengendalikan MySejahtera yang disokong oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Pemodenan Pentadbiran Malaysia dan Unit Perancangan Pengurusan (MAMPU), serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Aplikasi ini, yang ditubuhkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], memberikan pengguna maklumat berharga sebagai sumber maklumat semasa wabak COVID-19, termasuk di mana dan bagaimana untuk mendapatkan perubatan jika dijangkiti dengan virus COVID-19, serta tujuan diagnostik dan rawatan klinik dan hospital terdekat (Hanissull Jalis, 2020).



Rajah 2.4 Agensi-agensi Kerajaan Dalam Pembinaan MySejahtera

Sumber: <https://mysejahtera.malaysia.gov.my/> (2021)

MySejahtera mempunyai pelbagai kegunaan termasuk membantu dalam proses pendaftaran pengguna semasa memasuki sesuatu premis, memberi notifikasi sekiranya berada dalam zon merah, dan juga menyatakan sebarang jangkitan dalam jarak radius 5-kilometer dari tempat tinggal. Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, menyatakan bahawa kini aplikasi ini juga membolehkan orang ramai mengenal pasti kesihatan diri dan keluarga mereka serta membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengawasi keadaan kesihatan pengguna sehingga KKM bahkan dapat bertindak tegas untuk memberikan pilihan rawatan yang diperlukan kepada mereka yang memerlukannya (Nur Zarina, 2020).

COVID-19
#KitaTeguhKitaMenang

MySejahtera JOM DAFTAR





Klik daftar sini.



Pendaftaran boleh dibuat dengan no telefon atau emel.



Sekiranya mendaftar melalui emel, anda akan menerima notifikasi sms yang mempunyai OTP. Masukkan kod OTP ruangan yang disediakan.



Jika mendaftar melalui emel, anda akan menerima emel daripada MySejahtera dan klik pada pautan pengesahan.



Masukkan butiran pendaftaran, tetapkan kata laluan dan klik Sahkan.



Pendaftaran berjaya. Tekan tutup untuk kembali kepada paparan log masuk.

Anda boleh mula menggunakan aplikasi MySejahtera dengan menggunakan kata laluan yang telah anda tetapkan.



Kementerian
Kesihatan
Malaysia



MyHEALTH
www.myhealth.gov.my






myhealthkkm




SCAN ME

Rajah 2.5 Aliran Proses Pendaftaran Aplikasi MySejahtera


Sumber: <https://mysejahtera.malaysia.gov.my/> (2021)




FOLLOW THE STEPS BELOW TO UPDATE YOUR NAME AND IC NO. INFORMATION IN THE MYSEJAHTERA APP




STEP 1
CLICK THE 'PROFILE' BUTTON



STEP 2
CLICK THE 'SETTINGS' BUTTON



STEP 3
CLICK THE 'MY PERSONAL DETAILS' BUTTON



STEP 4
UPDATE YOUR INFORMATION & CLICK 'SAVE'

@RAKYATMalaysiaSejahtera

Rajah 2.6 Aliran Proses Kemaskini Maklumat Pengguna

Sumber: <https://mysejahtera.malaysia.gov.my/> (2021)



Rajah 2.7 Aliran Proses Check-In Aplikasi MySejahtera

Sumber: <https://covid-19.moh.gov.my/faqsop/mysejahtera> (2020)

2.3 PENGGUNAAN MYSEJAHTERA

2.3.1 Perancangan dan Pengesanan


MySejahtera adalah aplikasi mudah alih yang dikembangkan oleh kerajaan Malaysia untuk membantu pengurusan wabak Covid-19 di seluruh wilayah. Ini membantu pengguna dalam menilai diri sendiri dan keluarga mereka untuk menilai sendiri kesejahteraan. Orang sekarang dapat mengesan kemajuan kesihatan mereka semasa pandemik Covid-19 (Abdali et al., 2021). Kecerdasan buatan atau lebih dikenali sebagai *Artificial Intelligence* (AI) telah membantu dalam pembinaan aplikasi serta pengesanan

individu-individu yang dijangkiti COVID-19 seurus mencatatkan penyebaran penyakit di sesebuah negara.

Selain itu, MySejahtera membantu Kementerian Kesihatan (KKM) dalam mengesan keperluan kesihatan pengguna dan mengambil tindakan segera untuk memberikan terapi yang berkaitan. Mysejahtera telah dibina hasil usaha kolaborasi Majlis Keselamatan Nasional (MKN), Kementerian Kesihatan (KKM), Pemodenan Pentadbiran Malaysia dan Unit Perancangan Pengurusan (MAMPU), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), dan Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI). Pengguna perlu melengkapkan penilaian kesihatan diri setelah mendaftar menggunakan portal pendaftaran. Aplikasi MySejahtera kemudian akan mengkategorikan pengguna dalam enam kumpulan bergantung pada penilaian dan juga pengkategorian: Risiko Rendah, Kontak Santai, Kontak Tutup, Pengawasan Orang Di Bawah (PUS), Kes Tersangka, dan Kes Yang Disahkan (Muhamad Khair et al., 2021). Aplikasi MySejahtera mengumpulkan data mengenai penjagaan kesihatan pengguna dengan menyampaikan rangkaian pertanyaan atau soalan mengenai gejala, dari mana diagnosis pembezaan terbentuk.

Alat seperti peta migrasi, yang menggunakan telefon bimbit, aplikasi pembayaran digital, dan juga laman rangkaian sosial untuk mengumpulkan data masa nyata di lokasi orang, membolehkan kerajaan Malaysia memantau pergerakan orang yang ingin mengunjungi mana-mana tempat (Muhamad Khair et al., 2021).

Sistem penglihatan komputer mencadangkan penggunaan data untuk meramalkan dinamika transmisi wilayah SARS-CoV-2 dan memandu kawalan dan pemantauan imigrasi. Keperluan yang terdesak untuk memantau COVID-19 telah mendorong perkembangan papan pemuka data yang secara jelas menggambarkan beban penyakit. MySejahtera menggunakan maklumat dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menggambarkan corak penyakit berjangkit berdasarkan usia, jantina, dan tujuan, serta untuk merancang masa pemulihan orang yang dijangkiti. Skrin utama coronavirus dan platform berasaskan web MySejahtera menawarkan visualisasi kejadian dan kematian COVID-19 masa nyata di seluruh dunia (Leng et al., 2021).



Rajah 2.8 Aplikasi MySejahtera Memaparkan Statistik Sembuh, Jangkitan dan Kematian
Sumber: astroawani.com (2020)

2.3.2 Pemeriksaan Jangkitan

Malaysia menggunakan alat berasaskan web dan berasaskan awan (*Cloud Computing*) percuma untuk memantau pengguna dan memulakannya dengan faedah perbandingan. Di terminal lapangan terbang Malaysia sebagai contoh, kamera termal inframerah berprestasi tinggi digunakan untuk menangkap gambar termal orang pada satu masa seterusnya dengan cepat dapat mengesan orang yang bersuhu tinggi. Selain itu, pemantauan suhu dilakukan di pintu masuk ke tempat kerja, sekolah, dan pengangkutan awam juga dapat digunakan untuk memantau jangkitan COVID-19. Data termometer dipantau dan digunakan untuk mengungkapkan titik panas baru serta sekumpulan jangkitan di mana pemeriksaan dapat dimulai (Salleh et al., 2021).

Perisian MySejahtera juga membantu pengguna mengenal pasti sama ada kawasan mereka sekarang adalah zon merah COVID-19. Ini meningkatkan

keimbangan di kalangan orang untuk melindungi diri mereka dengan mengelakkan lokasi sesak di dekat rumah mereka, seperti pasar raya, selalu memakai topeng ketika mereka berada di luar, kerap mencuci tangan, dan membersihkan diri sebaik sahaja mereka pulang (Zamri & Mohideen, 2021).

Jejak kontak dapat membantu dalam mengenal pasti kenalan pesakit positif, yang memungkinkan untuk diagnosis yang lebih cepat daripada lebih banyak jangkitan dan ini dapat dibuktikan melalui sistem MySejahtera (Jahmunah et al., 2021). Penelusuran kontak dapat membantu meminimumkan kes kuarantin dan juga menularkan wabak di dalam negara.

Rakyat yang mempunyai hubungan dekat dengan rakyat lain yang bergejala dikenal pasti menggunakan aplikasi MySejahtera dan dikuarantin untuk mencegah wabak tambahan. Prosedur ini terdiri daripada empat fasa iaitu pertama, pengecam kenalan, di mana kenalan rapat seseorang sejak permulaan penyakit telah dikenali. Kedua, senarai kenalan, di mana orang yang dikenali ini diklasifikasikan sebagai kenalan dan diberi maklumat mengenai pencegahan penyakit dan juga mengasingkan kenalan berisiko tinggi di kediaman atau di kemudahan kesihatan dan ketiga tindak lanjut hubungan, di mana hubungan yang kerap dilakukan dengan orang yang dikesan ini. Akibatnya, kaedah penelusuran kontak yang berkesan dan tepat waktu diperlukan untuk mengenal pasti orang yang pernah berhubungan rapat dengan mereka yang sakit dan mengurungnya untuk mencegah jangkitan tambahan di mana dengan sistem MySejahtera, orang ramai dapat mengenali kontak rapat dan dapat melakukan pemeriksaan jangkitan melalui sistem tersebut (Azad et al., 2020). Oleh itu, berdasarkan penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik profesional, terdapat hubungan yang positif antara pemeriksaan jangkitan dengan penggunaan MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19.

Tambahan pula, MySejahtera boleh memaparkan pemeriksaan jangkitan di mana setiap orang akan diberitahu jikalau mereka mempunyai kontak rapat dengan seseorang yang mempunyai gejala. Ini dapat membantu mencegah dari rantaian COVID-19 berpanjangan atau dapat memutuskan rantaian tersebut jikalau seseorang itu

membuat ujian saringan setelah diberitahu mempunyai kotak rapat dengan orang yang bergejala.

2.3.3 Kuarantin dan Pengasingan Diri

Di beberapa bahagian dunia, terutamanya Malaysia yang mengimplementasikan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bertujuan mencegah jangkitan, telah memberi implikasi sosioekonomi yang serius menjejaskan kehidupan harian rakyat. Bagi mengurangkan kesengsaraan rakyat serta memastikan rakyat yang tidak terjangkit tidak mengalami impak yang berterusan, kerajaan menggunakan aplikasi MySejahtera untuk membantu dalam prosedur kuarantin dan pengasingan diri. Rakyat yang dijangkiti virus COVID-19 akan dikuarantin dan maklumat kuarantin akan dipaparkan di muka depan aplikasi MySejahtera. Langkah ini yang sangat efektif membantu rakyat lain yang tidak terdedah kepada jangkitan virus untuk selamat menjalankan kehidupan harian sejajar dengan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan oleh kerajaan (Abdali et al., 2021). Sistem MySejahtera di Malaysia, yang memerlukan pemohon mengisi soal selidik kesan sampingan dan mendokumentasikan suhu mereka, membolehkan pegawai mengawasi kesihatan serta mengawal kesannya.



Rajah 2.9 Aliran Proses Kaedah Laporan Ujian Kendiri Covid-19

Sumber: <https://mysejahtera.malaysia.gov.my/> (2021)

MySejahtera berfungsi sebagai sijil kesihatan umum dan pas perjalanan COVID-19 dimana satu kod warna yang menunjukkan risiko minimum, tengah, dan tinggi akan terpapar pada aplikasi tersebut. Pengguna yang mempunyai kod hijau boleh melakukan perjalanan bebas, sementara pengguna yang mempunyai kod merah mesti mengasingkan diri selama 14 hari (Hasan et al., 2020).

Pesakit Covid-19 yang diberi kuasa untuk dikuarantin di rumah mesti mengatur diri dengan memasukkan status kesihatan harian mereka di aplikasi MySejahtera. Hanya pesakit tahap satu dan tahap dua di bawah usia 60 tahun dan bebas dari sebarang penyakit kesihatan yang mendasari, serta pesakit berdasarkan penilaian yang dilakukan oleh Pusat Penilaian Covid-19 (CAC), yang dibenarkan menjalani karantina di rumah, menurut protokol semasa mengenai pengurusan kes Covid-19 (Abdali et al., 2021).

Data yang dihantar melalui MySejahtera akan dihantar ke pusat kesihatan atau CAC untuk tindakan lanjutan. Di bawah protokol kuarantin rumah semasa, CAC akan menilai ukuran rumah dan juga jumlah penduduk berdasarkan alasan pesakit sebelum mengizinkan mereka mendapatkan terapi di rumah mereka. Melalui aplikasi MySejahtera, pesakit dapat meneliti dari semasa ke semasa akan hari yang perlu dikuarantin dan pengasingan diri (Singh et al., 2020).

Pesakit dikehendaki untuk memeriksa MySejahtera bagi mengetahui tempoh tamat nya kuarantin dan pengasingan diri. Sehubungan dengan itu, berdasarkan penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik profesional, terdapat hubungan yang positif antara kuarantin dan pengasingan diri dengan penggunaan MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik Covid-19.

Di Malaysia, bagi sesiapa yang melanggar arahan pengasingan diri akan dikenakan denda atau penjara yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia. Manakala di Taiwan, jika seseorang itu dikuarantin, pemantauan elektronik orang yang dikuarantin di rumah telah dibantu oleh telefon bimbit yang dilacak oleh GPS yang dikeluarkan oleh pemerintah di mana jika berlaku pelanggaran kuarantin, pagar elektronik tersebut akan menghantar mesej kepada individu dan juga mengenakan denda (Hussein et al., 2020).



Rajah 2.10 Kod Warna Risiko Jangkitan

Sumber: <https://www.ucsiuniversity.edu.my/> (2021)



Rajah 2.11 Arahan Peintah Pengawasan dan Pemerhatian (Home Surveillance Order)
Sumber: CPRC Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia (2020)

Sesiapa yang mengasingkan diri diperintahkan untuk menggunakan aplikasi telefon pintar yang akan menghantar notifikasi kepada pegawai sekiranya mereka meninggalkan lokasi pengasingan mereka. Selain daripada itu, rakyat yang sedang kuarantin juga diwajibkan memakai gelang yang dihubungkan melalui teknologi awan ke pangkalan data yang memberi amaran kepada pihak berkuasa sekiranya kuarantin dilanggar. Sebagai contoh, Malaysia telah mengembangkan penyelesaian telefon bimbit untuk memantau pesakit COVID-19 melalui MySejahtera dan memastikan bahawa mereka tetap dalam pengasingan diri. Sekiranya pengguna meninggalkan lokasi kuarantin tanpa peranti mereka, penyelesaian telefon bimbit untuk penguatkuasaan kuarantin dapat dielakkan (Zur Raffar et al., 2021).

Tinjauan yang dilaporkan sendiri, seperti yang digunakan dalam sistem MySejahtera, hanya berkesan apabila individu mengalami gejala dan melaporkan gejala

mereka dengan tepat. Namun, apabila digabungkan dengan strategi lain, kemajuan teknologi seperti itu dapat memberikan manfaat.

2.3.4 Pengesanan Penyakit Berjangkit

Aplikasi MySejahtera kini dilengkapi ciri-ciri baharu iaitu fungsi 'Hotspot Tracker' untuk menjejaki titik panas penyakit berjangkit termasuk penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD). Ciri baharu ditambah baik daripada pengesanan titik panas kes COVID-19 sebelum ini, turut berupaya mengesan lokasi sama bagi tiga lagi penyakit berjangkit iaitu denggi, rabies (penyakit anjing gila) dan demam campak. Menurut terbitan akhbar Berita Harian yang bertarikh, 5hb May 2022, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin melalui akaun Twitter beliau berkongsi mengenai ciri baharu itu. Sebelum ini, beliau pernah memaklumkan fungsi HotspotTracker yang digunakan untuk menjejak kawasan titik panas kes COVID-19, akan diubah sebagai 'Infectious Disease Tracker' untuk melihat kawasan titik panas penyakit lain seperti rabies, demam campak, HFMD dan denggi. Tinjauan pada ciri-ciri baharu itu mendapati kes-kes aktif HFMD akan dipaparkan dalam lingkungan 5000-meter radius untuk tempoh tujuh hari terakhir.



Rajah 2.12 Fungsi Penambahbaikan Aplikasi MySejahtera (Infectious Disease Tracker)

Sumber: <https://www.mkn.gov.my/>



Rajah 2.13 Paparan Jumlah Kes Penyakit Berjangkit di Aplikasi MySejahtera

Sumber: <https://www.mkn.gov.my>

2.4 TEORI YANG BERKAITAN


2.4.1 Teori Bersepadu Penerimaan dan Penggunaan Teknologi (UTAUT)

Venkatesh, Morris, dan Davis pada tahun 2003 mencipta satu teori yang bersatu model untuk membentangkan gambaran yang lebih lengkap tentang proses penerimaan daripada mana-mana model individu terdahulu. Model ini menangkap elemen penting daripada lapan model yang telah ditetapkan sebelum ini iaitu TRA, TAM, TPB, Model Motivasi, gabungan TAM dan TPB (C-TAM-TPB), Model Penggunaan PC (MPCU), Difusi Teori Inovasi (DOI) dan Sosial Teori Kognitif (SCT). Walaupun model UTAUT agak baru tetapi ia kesesuaian, kesahan dan kebolehppercayaan dalam kajian penggunaan teknologi dalam konteks yang berbeza telah terbukti. Model UTAUT telah diuji dalam pelbagai konteks seperti penggunaan pengguna perbankan mudah alih, penggunaan perkhidmatan beli-belah mudah alih, teknologi maklumat kesihatan penerimaan pakai, penerimaan ICT dalam bilik darjah, perkhidmatan e-kerajaan, penggunaan peranti/perkhidmatan mudah alih, pengangkutan, penerimaan dan penggunaan sistem weblog komuniti dalam talian, e-perniagaan kualiti stok dalam talian dan PKS

penggunaan teknologi tanpa wayar. Model itu telah diperiksa secara empirik dan didapati mengatasi lapan model individu, termasuk model TAM(Santhanmery, 2014).

2.5 KERANGKA KONSEPTUAL

Berikut adalah kerangka konseptual yang lebih banyak menumpukan perhatian pada empat pemboleh ubah yang dapat dilihat berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan teknologi digital dalam tindak balas pandemik Covid-19. Empat pemboleh ubah tidak bersandar terdiri daripada jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan keadaan kemudahan. Manakala pemboleh ubah bersandar adalah faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan teknologi digital MySejahtera dalam tindak balas pandemik COVID-19.



Rajah 2.14 Model UTAUT (Model Penerimaan Teknologi)

2.5.1 Jangkaan Prestasi

Jangkaan prestasi (PE) adalah suatu tahap kepercayaan penggunaan teknologi bahawa menggunakan teknologi mudah alih dan aplikasi digital membantu mereka memperbaiki prestasi kesihatan mereka(Analisa Hamdan et al., 2013). Menurut Venkatesh, Thong, dan Xu (2012), jangkaan prestasi ditakrifkan sebagai tahap untuk mengetahui betapa bermanfaatnya sesuatu teknologi kepada pengguna semasa

melakukan aktiviti mereka. Lebih-lebih lagi, kajian awal oleh (Venkatesh, et al., 2003) menyatakan bahawa ia juga boleh ditakrifkan sebagai bagaimana seseorang individu sebagai pengguna atau pengguna percaya bahawa teknologi boleh meningkatkan produktiviti dan kemudahannya kerjanya dengan memperoleh prestasi yang lebih baik. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh (Hoque & Sorwar, 2017) mendapati jangkaan prestasi mempunyai kesan positif terhadap penerimaan perkhidmatan e-Kesihatan dalam kalangan warga emas. Dalam kajian lain yang dijalankan oleh (Walrave, et al., 2020) mengenai niat pengguna untuk menggunakan aplikasi pengesanan kenalan atau *contact tracing* COVID-19 di Belgium, mendapati bahawa prestasi jangkaan sebagai faktor terpenting untuk menggambarkan niat pengguna dalam menggunakan aplikasi tersebut untuk dan telah menunjukkan hubungan positif. Di Malaysia, aplikasi MySejahtera yang dimuat turun dalam peranti mudah alih seperti iPad, telefon bimbit pintar, tablet pc dan sebagainya membolehkan pengguna untuk mengakses segala jenis maklumat berkaitan kesihatan diri dan COVID-19 dan terus berhubung dengan pihak KKM selain daripada menggunakan aplikasi tersebut untuk *contact-tracing*, mendapatkan maklumat kadar keselamatan kawasan sekeliling dan terkini mendapatkan maklumat mengenai Hand, foot and mouth disease (HFMD).

H1: Terdapat hubungan positive antara penggunaan aplikasi MySejahtera dengan jangkaan prestasi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan teknologi digital dalam tindak balas pandemik COVID-19.

2.5.2 Jangkaan Usaha

Menurut (Venkatesh et al., 2012), jangka usaha (EE) merujuk kepada mudah guna sesuatu teknologi dengan efikasi sendiri. Untuk menggunakan teknologi ini sepenuhnya, pengguna perlu mempercayai bahawa aplikasi sepadan dengan keperluan dan nilai mereka (Analisa Hamdan et al., 2013). Kajian-kajian lepas telah membuktikan kesan yang signifikan mudah guna sesuatu aplikasi terhadap niat tingkah laku. Efikasi sendiri adalah penentu yang berkuasa dan terus terhadap tingkah laku individu pada penggunaan sebenar teknologi atau niat untuk menggunakan teknologi digital.

Di Lille, Perancis, satu kajian oleh (Khechine & Augier, 2019) mendapati jangkaan usaha mempunyai impak positif dan signifikan ke atas niat untuk

menggunakan e-pembelajaran. Kajian lanjut telah dilakukan di Jordan di mana jangkaan usaha menunjukkan pengaruh positif kepada niat untuk menerima pakai perkhidmatan e-kerajaan (Rabaa'i, 2017). Semua hasil daripada penyelidikan terdahulu ini meletakkan penekanan terhadap kepentingan jangkaan usaha dalam meramalkan niat untuk menggunakan sesuatu teknologi atau perkhidmatan.

Satu kajian telah dijalankan di Malaysia, untuk mengetahui kesan daripada faktor di bawah teori UTAUT ke arah niat untuk menggunakan aplikasi perjalanan pintar (*smart travel application*), jangkaan usaha mempengaruhi niat pengguna untuk menggunakan aplikasi perjalanan pintar untuk merancang perjalanan mereka (T. J. Chan et al., 2021).

H2: Terdapat hubungan positive antara penggunaan aplikasi MySejahtera dengan jangkaan usaha terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan teknologi digital dalam tindak balas pandemik COVID-19.

2.5.3 Pengaruh Sosial

Pengaruh sosial bermaksud ahli keluarga, rakan/rakan sebaya dan individu sekeliling yang dipercayai oleh seseorang dan mereka menggalakkan orang tersebut untuk menggunakan atau mencuba teknologi atau sistem (Venkatesh et al., 2003). Dengan kata lain, ia bermaksud sumbangan seseorang individu dalam penggunaan sesuatu teknologi boleh digalakkan atau dipengaruhi oleh pendapat ahli keluarga dan rakan-rakan (Naranjo-Zolotov & Oliveira, 2019).

Kajian oleh (Zendeudel & Paim, 2015) menunjukkan hasil positif pengaruh sosial terhadap hasrat menggunakan internet mudah alih di Malaysia. Ia seterusnya menyatakan bahawa pengguna boleh dipengaruhi oleh rakan sebaya dan individu keliling mereka, terutamanya yang rapat seperti ahli keluarga dan rakan-rakan untuk menggunakan sesuatu teknologi atau sistem. Ini adalah selaras dengan kajian oleh (Lin, 2019) yang menghasilkan keputusan yang sama kesan positif pengaruh sosial terhadap niat pengguna untuk menggunakan e-buku di Fujian, China.

Menurut satu kajian yang dijalankan di Malaysia oleh (Zendeudel & Hj Paim, 2015), dapatan kajian tersebut menyatakan bahawa satu hubungan positive antara pengaruh sosial terhadap penggunaan mobile-internet wujud dalam kalangan penduduk Malaysia. Kajian tersebut juga membuktikan bahawa pengaruh rakan sebaya dan individu mengelilingi mereka, terutamanya yang rapat seperti ahli keluarga dan rakan-rakan untuk menggunakan sesuatu teknologi atau sistem.

H3: Terdapat hubungan positive antara penggunaan aplikasi MySejahtera dengan pengaruh sosial terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan teknologi digital dalam tindak balas pandemik COVID-19.

2.5.4 Keadaan Kemudahan

Keadaan kemudahan (FC) adalah suatu tahap di mana seseorang individu percaya organisasi dan infrastruktur teknikal wujud untuk menyokong penggunaan sebuah sistem dan teknologi. Keadaan kemudahan memberi tumpuan kepada kepercayaan bahawa teknikal sokongan akan tersedia untuk melaksanakan tingkah laku yang diperlukan oleh teknologi. Penentu ini adalah peramal yang ketara tentang niat untuk menggunakan teknologi jika individu percaya terdapat sistem sokongan yang boleh dipercayai untuk bantu mereka, niat mereka untuk menggunakan aplikasi digital MySejahtera adalah lebih besar berbanding apabila sokongan yang dirasakan kurang (Momani, 2020).

Keadaan kemudahan ialah mengenai sokongan organisasi dan teknikal yang diterima oleh pengguna menjadikan penggunaan teknologi baharu menjadi lebih mudah dan mesra pengguna (Venkatesh et al., 2003). Sebagai contoh, (Khechine & Augier, 2019) meneroka penggunaan e-pembelajaran dalam sekolah perniagaan Perancis mendapati bahawa keadaan memudahkan mempengaruhi niat untuk menggunakan e-pembelajaran secara positif.

H4: Terdapat hubungan positive antara penggunaan aplikasi MySejahtera dengan keadaan kemudahan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan teknologi digital dalam tindak balas pandemik COVID-19.

2.7 RUMUSAN

Bab dua mengetengahkan tinjauan literatur. Bab ini menerangkan hubungan antara penggunaan MySejahtera serta tiga pembolehubah tidak bersandar iaitu perancangan dan pengesanan, pemeriksaan jangkitan dan kuarantin dan pengasingan diri. Ini juga termasuk literatur yang mempromosikan kajian dan juga memudahkan pemahaman topik penyelidikan. Selain daripada itu, kerangka konseptual untuk memahami pemboleh ubah yang lebih besar untuk kajian ini dinyatakan dalam bab ini.

Pusat Sumber
FTSM

BAB III

KAEDAH KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini terdiri daripada reka bentuk kajian, reka bentuk persampelan, sumber data, instrumen yang digunakan untuk kajian, operasionalisasi pemboleh ubah, kerja lapangan dan kaedah pengumpulan data dan analisis data.

3.2 REKA BENTUK PENYELIDIKAN

Reka bentuk penyelidikan ini akan menggariskan tujuan kajian, jenis kajian, unit analisis dan jangka masa.

3.2.1 Tujuan Kajian

Kajian ini menggunakan teknik kajian deskriptif yang memfokuskan pada menentukan sejauh mana hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan teknologi digital dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19. Menurut Sekaran dan Bougie (2016), teknik kajian deskriptif digunakan untuk memastikan hubungan pemboleh ubah yang dipilih dan memberikan hasil yang akan bermanfaat untuk membuat cadangan. Oleh itu, penyelidikan ini dilakukan untuk menyiasat hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan aplikasi MySejahtera dalam tindak balas pandemik COVID-19 seperti jangkaan usaha, jangkaan prestasi, pengaruh sosial dan keadaan kemudahan

3.2.2 Jenis Kajian

Penyelidikan ini melibatkan kajian korelasi yang akan dilakukan dengan tujuan untuk mengkaji sejauh mana hubungan jangkaan usaha, jangkaan prestasi, pengaruh sosial dan keadaan kemudahan dalam penggunaan MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19.

3.2.3 Unit Analisis

Unit analisis penyelidikan adalah individu yang diwakili oleh orang awam terutamanya golongan rakyat yang bekerja dan bagaimanakah penglibatan mereka dalam penggunaan teknologi digital khususnya aplikasi MySejahtera.

3.2.4 Jangka Masa

Penyelidikan ini menggunakan kajian keratan rentas di mana kajian ini dimulakan pada bulan Jun 2021 dan data dikumpulkan sekali pada bulan Mac 2022. Pengumpulan data dilakukan melalui penyebaran soal selidik yang dijalankan selama 4 minggu. Menurut Yunus dan Tambi (2013), pengumpulan data pada satu titik memadai dengan syarat temuan yang dikumpulkan dapat menjawab persoalan kajian dengan berkesan.

3.3 REKA BENTUK PERSAMPELAN

Reka bentuk persampelan merangkumi komponen populasi penyelidikan, teknik persampelan dan juga ukuran sampel.

3.3.1 Populasi

Populasi merujuk kepada keseluruhan kumpulan orang, perkara menarik dan peristiwa yang disiasat oleh penyelidik dalam kajian ini (Sekaran & Bougie, 2016). Para penyelidik juga menentukan kerangka populasi sebagai elemen populasi di mana sampel diambil. Populasi kajian untuk penyelidikan ini adalah orang awam di daerah Kuala Lumpur seramai 1.75 juta orang secara anggaran (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Populasi kajian ini terdiri daripada orang awam yang bekerja dan segelintir yang tidak bekerja serta masih belajar.

3.3.2 Teknik Persampelan

Persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini kerana pengkaji tidak dapat mendapatkan senarai populasi. Persampelan bertujuan iaitu pemilihan responden yang sengaja kerana kualiti yang dimiliki oleh responden. Ia bertujuan untuk memfokuskan orang ramai pada ciri khusus untuk membantu penyelidikan yang berkaitan dengan lebih baik dengan mengenal pasti dan memilih kes yang kaya dengan maklumat (Etikan, 2016). Justeru, untuk kajian ini responden mestilah mengetahui atau pernah mendengar tentang aplikasi MySejahtera. Boleh diandaikan bahawa rakyat Malaysia di kawasan bandar kebanyakannya mengetahui atau pernah mendengar tentang aplikasi pengesanan seperti yang diperjuangkan oleh kerajaan Malaysia sebelum penyelidikan ini dijalankan. Soal selidik dibina dalam bentuk borang tinjauan dalam talian (Google Form) dan diedarkan dengan menggunakan aplikasi WhatsApp dan facebook kepada populasi sasaran khususnya orang awam di Kuala Lumpur.

3.3.3 Saiz Sample

Menurut Sekaran dan Bougie (2016), ukuran sampel adalah subset populasi penyelidikan yang disasarkan. Oleh kerana kami tidak mempunyai senarai orang awam yang lengkap, oleh itu, populasi boleh dianggap tidak diketahui. Berdasarkan jadual ukuran sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), ukuran sampel yang paling sesuai adalah berdasarkan pada N maksimum 100000. Untuk kajian ini, disebabkan jumlah subset populasi yang membawa kepada jumlah sampel sebanyak 384 responden bagi mewakili populasi ini dengan batas kesalahan (*margin of error*) 5% dan selang kepercayaan (*confidence interval*) 95%.

N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	346
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	354
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	191	1200	291	6000	361
45	40	170	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	180	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	190	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	200	132	460	210	1600	310	20000	370
65	56	210	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	220	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	230	144	550	226	1900	320	30000	379
80	66	240	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	250	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	260	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	254	2600	335	100000	384

SOURCE: From R. V. Krejcie and D. W. Morgan, "Determining Sample Size for Research Activities," *Education and Psychological Measurement*, 30, p. 608, copyright © 1970 Sage Publications, Inc., Reprinted by permission of Sage Publications, Inc.

Rajah 3.1 Jadual Ukuran Sample
Sumber : Krejcie And Morgan (1970)

3.4 SUMBER DATA

Dalam penyelidikan ini, data primer diperoleh untuk menganalisis lebih lanjut hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Data primer merujuk kepada data yang diperoleh secara langsung dari sumber dan berkaitan dengan pemboleh ubah bebas kajian sementara data sekunder merujuk kepada jurnal, artikel dan data yang disediakan oleh pihak kerajaan.

3.4.1 Data Utama

Data primer dikumpulkan dengan melakukan tinjauan. Soal selidik disediakan dalam Borang Google dan diedarkan kepada orang awam secara rawak melalui aplikasi WhatsApp dan Facebook, di mana penyelidik memastikan kerahsiaan identiti dan kerahsiaan jawapan responden terjaga.

3.5 INSTRUMEN PENYELIDIKAN

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada 3 item yang mewakili pemboleh ubah bersandar (DV) dan 13 item yang mewakili pemboleh ubah tidak bersandar (IV). Skala Likert lima mata (Lewis, 1993) digunakan untuk mengukur hubungan antara elemen terhadap penggunaan aplikasi MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19. Soalan-soalan yang disediakan telah diadaptasi dari beberapa kajian yang diterbitkan sebelum ini dan telah diubah mengikut tajuk projek ini.

Pengukuran berada pada skala 1 hingga 5 dengan '1' mewakili 'sangat tidak setuju', '2' mewakili tidak setuju, '3' mewakili tidak setuju atau setuju, '4' mewakili setuju dan '5' mewakili 'sangat setuju'. Soal selidik terdiri daripada 3 bahagian yang terdiri daripada Bahagian A, B dan C. Item-item yang diukur untuk setiap konstruk dalam kajian ini adalah seperti dilampirkan pada jadual 3.1. Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini ditunjukkan dalam Lampiran A.

3.5.1 Bahagian A

Bahagian A terdiri daripada perincian demografi seperti jantina, status perkahwinan, umur, bangsa dan pekerjaan.

3.5.2 Bahagian B

Bahagian B terdiri daripada tingkah laku pengguna di mana item yang digunakan telah disesuaikan daripada (Venkatesh et al., 2012). Responden yang merupakan orang awam di Kuala Lumpur diminta untuk menilai aplikasi MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19. Soalan-soalan yang disediakan adalah berdasarkan kesenangan menggunakan aplikasi MySejahtera untuk mendapatkan maklumat serta memberi maklumat diri.

3.5.3 Bahagian C

Bahagian C berkaitan dengan atribut dari teori UTAUT, iaitu, jangkaan prestasi,

jangkaan usaha, pengaruh sosial dan keadaan yang memudahkan telah diubah suai dan disesuaikan daripada pelbagai kajian lepas (T. J. Chan et al., 2021; Venkatesh et al., 2012).

Jadual 3.1 Instrumen Kajian Bahagian B

Konstruk	Perincian	Kod	Cronbach sebelum
Penggunaan Tingkah Laku	Penggunaan perkhidmatan MySejahtera adalah satu pengalaman yang menyenangkan.	UB1	0.92-0.93
<i>User Behaviour</i>	Saya menggunakan perkhidmatan aplikasi MySejahtera pada masa ini	UB2	((T. J. Chan et al., 2021)
	Saya menghabiskan masa secara berpatutan dalam penggunaan perkhidmatan aplikasi MySejahtera	UB3	

Jadual 3.2 Instrumen Kajian Bahagian C

Konstruk	Perincian	Kod	Cronbach sebelum
Jangkaan Prestasi	Saya mendapati perkhidmatan MySejahtera berguna dalam kehidupan seharian saya	PE1	0.88-0.92
<i>Performance Expentancy</i>	Penggunaan perkhidmatan aplikasi MySejahtera membolehkan saya mencegah COVID-19 lebih cepat.	PE2	(T. J. Chan et al., 2021)
	Penggunaan perkhidmatan aplikasi MySejahtera meningkatkan produktivity saya dengan menjimatkan masa untuk mengesan COVID-19.	PE3	
Jangkaan Usaha	Mempelajari cara menggunakan perkhidmatan aplikasi MySejahtera adalah mudah untuk saya.	EE1	0.91
<i>Effort Expentancy</i>	Interaksi saya dengan aplikasi MySejahtera adalah jelas dan boleh difahami.	EE2	(T. J. Chan et al., 2021)
	Saya dapati perkhidmatan aplikasi MySejahtera mudah digunakan.	EE3	
	Saya mahir menggunakan aplikasi MySejahtera	EE4	

bersambung...

...sambungan

Pengaruh Sosial	Ahli keluarga yang penting bagi saya berpendapat bahawa saya harus menggunakan perkhidmatan aplikasi MySejahtera.	SI1	0.82
<i>Social Influences</i>	Rakan yang mempengaruhi tingkah laku saya berpendapat bahawa saya harus menggunakan perkhidmatan aplikasi MySejahtera.	SI2	(T. J. Chan et al., 2021)
	Orang yang pendapat mereka saya hargai lebih suka saya menggunakan perkhidmatan aplikasi MySejahtera.	SI3	
Keadaan Kemudahan	Saya mempunyai sumber yang diperlukan untuk menggunakan perkhidmatan aplikasi MySejahtera.	FC1	0.75-0.85
<i>Fascilitating Condition</i>	Saya mempunyai pengetahuan yang diperlukan untuk menggunakan perkhidmatan aplikasi MySejahtera.	FC2	(T. J. Chan et al., 2021)
	Aplikasi MySejahtera serasi dengan teknologi lain yang saya gunakan.	FC3	

3.6 ANALISIS DATA

Penting untuk mengkaji bagaimana analisis data dilakukan dalam penyelidikan ini. Dengan demikian, analisis data dibagi menjadi beberapa bahagian yang merangkumi gambaran umum pengumpulan data, analisis frekuensi, analisis deskriptif, analisis kebolehpercayaan, analisis korelasi dan analisis regresi. Berkaitan dengan tujuan penelitian ini, data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan program komputer Statistical Package for the Social Science Version 27 (SPSS 27) terbaru. SPSS terkenal sebagai aplikasi pengaturcaraan statistik yang dapat melakukan manipulasi data yang kompleks dengan petunjuk mudah. Oleh itu, dengan menggunakan perisian SPSS, memungkinkan untuk menjalankan analisis frekuensi, analisis deskriptif, analisis kesahan, analisis kebolehpercayaan, analisis korelasi, dan analisis regresi. Setelah data yang dikumpulkan berjaya diterjemahkan ke dalam format yang dikenali oleh SPSS 27, hasilnya dianalisis dan ditafsirkan menggunakan setiap analisis khusus. Analisis data dilakukan untuk mengetahui sama ada item dalam instrumen berada di tempat

yang betul atau tidak. Item-item ini sangat penting untuk dikenali kerana kemampuannya untuk membezakan subjek berdasarkan jumlah skor mereka berkaitan dengan min dan sisihan piawai. Oleh yang demikian, analisis taburan frekuensi diterapkan di bahagian demografi untuk profil responden.

3.6.1 Analisis Kekekapan

Statistik frekuensi digunakan untuk menggariskan atribut asas kajian dan memberikan pemahaman berkaitan dengan profil responden. Statistik digunakan untuk menyiasat dan meneroka data yang dikumpulkan yang mungkin berguna sekiranya ada niat untuk membuat pemerhatian separa umum dari data yang dikumpulkan (Sheridan, 2010). Berkaitan dengan kajian ini, analisis frekuensi diterapkan untuk menganalisis demografi responden sesuai dengan seperti jantina, status perkahwinan, umur, bangsa dan pekerjaan.

3.6.2 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif didefinisikan sebagai penyesuaian teknik untuk pengkomputeran, pengukuran, analisis, pengkelasan, pengumpulan, penerangan dan penafsiran data kuantitatif yang dikembangkan secara sistematik. Analisis deskriptif memungkinkan untuk memahami maklumat yang dikumpulkan dan dikumpulkan. Di samping itu, analisis ini memberikan sinopsis yang realistik dan berangka dengan cara yang dibenarkan dan jelas. Pengukuran ini memindahkan maklumat secara purata dan ditekankan bahawa pendekatan berangka lebih tepat untuk menafsirkan data. Sebenarnya, berdasarkan Statistik IBM SPSS, untuk meringkaskan pelbagai jenis data memerlukan kajian menggunakan kecenderungan pusat untuk mengukur min, median dan mod. Nilai min kurang dari 3.00 dikategorikan sebagai rendah, nilai min antara 3.00 hingga 5.00 dikategorikan sebagai sederhana sementara nilai 5.00 atau lebih tinggi mempunyai tahap respons yang tinggi (Sekaran dan Bougie, 2016).

3.6.3 Analisis Kepercayaan

Analisis kebolehpercayaan digunakan untuk menjalankan data yang dikumpulkan dari soal selidik untuk mengenal pasti hubungan item antara satu sama lain (Uma Sekaran,

2016). Analisis kebolehpercayaan memberikan pergantungan yang baik pada sumber data dan data itu sendiri. Data yang boleh dipercayai boleh dipercayai, boleh dipercayai, tidak ada, sah, pasti, asli dan bereputasi baik. Sebenarnya, konsistensi adalah ukuran kebolehpercayaan utama kerana ia menunjukkan sejauh mana semua item mengukur sesuatu konsep. Selain itu, alpha Cronbach juga digunakan untuk menguji korelasi antara satu item dengan item yang lain dan menekankan bahawa, sekiranya skala jatuh dalam julat 0,60 atau lebih tinggi, ia mempunyai kebolehpercayaan konsistensi dalaman yang tinggi (Uma Sekaran, 2016)

Jadual 3.3 Julat Alpha Cronbach

Julat Kebolehpercayaan	Penerangan
1	Sempurna
0.90-0.99	Cemerlang
0.80-0.89	Baik
0.70-0.79	Sederhana
0.60-0.69	Boleh Diterima
Kurang dari 0.59	Tidak Baik

3.6.4 Analisis Korelasi

Korelasi Pearson atau 'r' memberikan petunjuk hubungan antara dua pemboleh ubah dalam bentuk set data berangka mengikut Tabachnik dan Fidell (2007). Nilai pekali antara -1 dan +1 yang menunjukkan hubungan positif atau negatif antara pemboleh ubah (Pallant, 2016). Korelasi positif akan menunjukkan nilai kedua-dua pemboleh ubah meningkat sementara korelasi negatif akan mempunyai pergerakan nilai yang berlawanan di mana satu pemboleh ubah meningkat sementara pemboleh ubah yang lain berkurang dan sebaliknya. Faktor keupayaan matriks korelasi dianggap sesuai untuk analisis faktor sekiranya korelasi Pearson harus menunjukkan sekurang-kurangnya beberapa korelasi, r sama atau lebih besar daripada 0,3. Nilai satu pemboleh ubah dapat ditentukan dengan tepat dengan nilai pemboleh ubah lain jika hasil yang diperoleh adalah pepejal +1 atau pepejal -1 yang menunjukkan bahawa pemboleh ubah mempunyai korelasi yang sempurna. Nilai 0 untuk satu pemboleh ubah menunjukkan

bahawa tidak ada hubungan antara pemboleh ubah. Menurut Hinkle et al (2003), nilai r ditafsirkan berdasarkan skala seperti di Jadual 3.2.

Jadual 3.4 Skala Kekuatan untuk Korelasi Pearson, r

Julat Korelasi Pearson	Skala Kekuatan
0.00 hingga 0.30 / -0.00 hingga -0.30	Hubungan yang sangat rendah (positif atau negatif)
0.30 hingga 0.50 / -0.30 hingga -0.50	Hubungan rendah (positif atau negatif)
0.50 hingga 0.70 / -0.50 hingga -0.70	Hubungan sederhana (positif atau negatif)
0.70 hingga 0.90 / -0.70 hingga -0.90	Hubungan yang kuat (positif atau negatif)
0.90 hingga 1.00 / -0.90 hingga -1.00	Hubungan yang sangat kuat (positif atau negatif)

3.6.5 Regresi Linen Berganda

Berganda regresi adalah lanjutan dari regresi linier sederhana dan ia digunakan untuk menyelidiki pengaruh lebih banyak pemboleh ubah peramal yang dikenali sebagai pemboleh ubah tidak bersandar pada pemboleh ubah hasil yang dikenali sebagai pemboleh ubah bersandar. Pada asasnya, ini membolehkan penyelidik membuat pernyataan mengenai seberapa baik pemboleh ubah bersandar diramalkan oleh pemboleh ubah tidak bersandar.

Dengan kata lain, regresi berganda dapat memperoleh seberapa banyak varians pemboleh ubah bersandar yang dapat dijelaskan oleh pemboleh ubah bebas dan sumbangan relatif setiap pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Setelah itu, untuk menjalankan regresi berganda, ada sejumlah asumsi yang harus dipatuhi dan memastikannya tidak dilanggar. Andaian tersebut berkaitan dengan ukuran sampel, multikolinieritas, garis luar, linearitas, homoscedasticity, normalitas, dan kebebasan residu (Pallant, 2011).

3.7 RUMUSAN

Bab ini membincangkan aspek-aspek utama metodologi, seperti reka bentuk penyelidikan, reka bentuk persampelan, pengumpulan data, instrumentasi, dan analisis

data. Kaedah statistik yang digunakan dalam analisis data kajian ini telah dinyatakan. Soal selidik berfungsi sebagai alat pengumpulan data utama. Selanjutnya, bab ini membincangkan kebolehpercayaan penyelidikan dan penggunaan analisis korelasi dan regresi.

Pusat Sumber
FTSM

BAB IV

ANALISIS DATA DAN PENEMUAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini membentangkan penemuan analisis untuk menilai model kajian yang dinyatakan dalam penyelidikan ini. Tujuan bab ini adalah untuk membentangkan dan menganalisis data yang diperoleh dari sebaran soal selidik. Bahagian pertama membahas kadar tindak balas soal selidik yang dikumpulkan. Profil demografi dan analisis deskriptif akan dibentangkan dalam bab ini dan kebolehpercayaan alpha Cronbach akan diuji untuk mengukur ketekalan dalaman. Analisis korelasi selanjutnya akan mengukur kekuatan antara dua pemboleh ubah. Terakhir, hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan bebas akan ditunjukkan dengan lebih terperinci menggunakan statistik inferensi regresi linear berganda.

4.2 ANALISIS KEKERAPAN

Proses pengumpulan data dijalankan pada March 2022, selama dua (2) minggu. Sejumlah 384 responden telah mengambil bahagian dalam kaji selidik ini dan kesemua 384 responden telah mengembalikan jawapan untuk kaji selidik ini. Kaji selidik ini merangkumi 3 bahagian. Bahagian A, B dan C. Di bahagian demografik iaitu bahagian A, terdapat lima (5) soalan yang disediakan untuk mendapatkan maklumat mengenai ciri-ciri responden termasuk jantina, status perkahwinan, umur, bangsa dan pekerjaan.

Bahagian B terdiri daripada soalan untuk pemboleh ubah bersandar iaitu bagaimana penggunaan teknologi digital dalam tindakbalas pandemik COVID-19 mempengaruhi tingkah laku pengguna. Responden yang merupakan orang awam di

Kuala Lumpur diminta untuk menilai aplikasi MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19. Soalan-soalan yang disediakan adalah berdasarkan kesenangan menggunakan aplikasi MySejahtera untuk mendapatkan maklumat serta memberi maklumat diri.

Bahagian C terdiri daripada soalan untuk pemboleh ubah bebas iaitu jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial dan kemudahan keadaan. Responden yang merupakan orang awam di Kuala Lumpur diminta untuk menilai aplikasi MySejahtera dalam perancangan dan tindak balas pandemik COVID-19. Soalan-soalan yang disediakan adalah berdasarkan pelan serta tindak balas kerajaan untuk menangani pandemik Covid-19. Lebih daripada lima (5) terbitan telah dikaji untuk menyediakan soalan-soalan ini.

4.3 PENGUMPULAN DATA


4.3.1 Demografik Responden

Di bahagian demografik, maklumat mengenai ciri-ciri responden termasuk jantina, status perkahwinan, umur, bangsa dan pekerjaan dibentangkan. Jadual 4.1 menunjukkan ringkasan profil responden yang diambil dari tinjauan soal selidik yang diedarkan kepada semua pengguna aplikasi MySejahtera di Kuala Lumpur.

Jadual 4.1 Demografik Responden (n = 384)


Demografi		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	187	48.7
	Perempuan	197	51.3
Status Perkahwinan	Bujang	200	52.1
	Berkahwin	184	47.9
Umur	>20 tahun	6	1.6
	21 – 30 tahun	211	54.9
	31 – 40 tahun	151	39.3

	>40 tahun	16	4.2
Bangsa	Melayu	304	79.2
	Cina	56	14.6
	India	24	6.3
Pekerjaan	Bekerja	368	95.8
	Menganggur	9	2.3
	Pelajar	7	1.8




Rajah 4.1 Responden mengikut jantina

Berdasarkan 384 responden, responden wanita terdiri daripada 197 (51.3 peratus), dan bakinya 187 (48.7 peratus) adalah responden lelaki.




Rajah 4.2 Responden mengikut status perkahwinan

Terdapat sebilangan kecil status perkahwinan responden, yang mana 200 (52.1 peratus) masih bujang sementara selebihnya sebanyak 184 (47.9 peratus) sudah berkahwin.




Rajah 4.3 Responden mengikut umur

Bagi usia, sebilangan besar responden, yang bersamaan dengan 211 (54.9 peratus), berasal dari kumpulan umur 21 hingga 30 tahun, kemudian datang kumpulan umur 31 hingga 40 tahun, iaitu 151 (39.3 peratus), diikuti oleh lebih daripada 40 tahun iaitu 16 (4.2 peratus) dan paling sedikit responden adalah dari kategori bawah 20 tahun yang hanya 6 (1.6 peratus).



Rajah 4.4 Responden mengikut bangsa

Selain itu, sebilangan besar responden adalah Melayu iaitu 304 (79.2 peratus), kemudian diikuti oleh bangsa Cina iaitu 56 responden (14.6 peratus) dan selebihnya adalah kaum India iaitu sebanyak 24 responden (6.3 peratus).



Rajah 4.5 Responden mengikut pekerjaan

Majoriti daripada responden bekerja iaitu 368 responden (95.8 peratus), diikuti oleh menganggur sebanyak 9 responden (2.3 peratus) dan selebihnya adalah pelajar iaitu 7 responden (1.8 peratus).

4.4 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif digunakan dalam penyelidikan untuk menjelaskan ciri-ciri asas data. Ia memberikan ringkasan sampel dan maklumat data. Untuk semua data peribadi, pengedaran frekuensi telah diperolehi. Nilai min menggambarkan nilai penilaian purata untuk setiap soalan, dan sisihan piawai menunjukkan penyebaran frekuensi. Nilai sisihan piawai yang lebih tinggi menunjukkan jarak penyebaran yang lebih luas dan sebaliknya, lebih dekat dengan nilai min. Keseluruhan keadaan dari segi factor yang berkaitan dengan pekerjaan terhadap kepuasan kerja dapat difahami berdasarkan analisis deskriptif konstruk. Jadual 4.2

Jadual 4.2 Hasil Respon dari Responden terhadap Penggunaan Teknologi Digital untuk mengawal Pandemik Covid-19

		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Setuju atau Setuju	Setuju	Sangat Setuju		
Konstruk		N (%)	N (%)	N (%)	N (%)	N (%)	Min	SD
<u>Jangkaan Prestasi</u>								
PE1	Saya mendapati perkhidmatan MySejahtera berguna dalam kehidupan seharian saya	0	0	33(8.6)	55(14.3)	296(77.1)	4.69	0.62
PE2	Penggunaan perkhidmatan aplikasi MySejahtera membolehkan saya mencegah COVID-19 lebih cepat.	0	0	53(13.8)	131(34.1)	200(52.1)	4.39	0.72
PE3	Penggunaan perkhidmatan aplikasi MySejahtera meningkatkan produktivity saya dengan menjimatkan masa untuk mengesan COVID-19.	0	0	33(8.6)	99(25.8)	252(65.6)	4.57	0.66
<u>Jangkaan Usaha</u>								
EE1	Mempelajari cara menggunakan perkhidmatan aplikasi MySejahtera adalah mudah untuk saya.	0	0	31(8.1)	85(22.1)	268(69.8)	4.62	0.63
EE2	Interaksi saya dengan aplikasi MySejahtera adalah jelas dan boleh difahami.	0	0	17(4.4)	134(34.9)	233(60.7)	4.56	0.58
EE3	Saya dapati perkhidmatan aplikasi MySejahtera mudah digunakan.	0	0	33(8.6)	62(16.1)	289(75.3)	4.67	0.63

bersambung...